

USAHA MEMBANGUNKAN MODEL HOMESTAY PATUH SYARIAH (MHPS): MENERAJUI PELANCONGAN ISLAMIK DI SABAH

Suhailah Abdul Muin

drsuhailah@ums.edu.my
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah

Mohd Nor Azan Abdullah

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

Norcikayonn Samuni

Pembantu Penyelidik, Geran Skim Dana Khas SDK0336-2022, Universiti Malaysia Sabah

Article History:

Received: 10 October 2023

Accepted: 22 November 2023

Published: 27 December 2023

ABSTRAK

Sabah, sebagai salah satu negeri di Malaysia yang kaya dengan keindahan alam semula jadi dan kepelbagaian budaya, mempunyai potensi besar untuk menjadi destinasi pelancongan utama dalam konteks pelancongan Islamik. Kajian ini menyelidiki pentingnya usaha membangunkan Model Homestay Patuh Syariah (MHPS) di Sabah dalam menggerakkan industri pelancongan Islamik. MHPS membawa bersama elemen-elemen penting yang merangkumi pematuhan syariah, pemeliharaan budaya tempatan, peluang ekonomi, dan kelestarian alam semula jadi. Pematuhan kepada nilai-nilai syariah Islam di dalam pengurusan homestay akan menarik pelancong Muslim yang mencari pengalaman pelancongan yang sejajar dengan prinsip-prinsip agama mereka. Kajian ini menggunakan data kuantitatif dan kualitatif yang diperolehi melalui kaedah pemerhatian langsung, temubual mendalam, sorotan literatur dan edaran soal selidik sebagai senarai semak. Hasil kajian mendapati, penilaian pemarkahan pematuhan elemen patuh syariah dalam perkhidmatan homestay yang dilawati tidak mencapai (100%) iaitu (89.3%). Markah tertinggi dicatatkan adalah sebanyak 25 dari 28 pematuhan elemen patuh syariah yang diteliti. Justeru, melalui penelitian pengaplikasian ciri-ciri perkhidmatan penginapan patuh syariah yang dilihat relevan dan sesuai untuk diangkat menjadi kateristik dalam Model Homestay Patuh Syariah (MHPS) perlu segera dibangunkan sebagai satu panduan dan rujukan kepada para pengusaha homestay sedia ada. Dengan itu, MHPS bukan sahaja membuka peluang pelancongan yang baru tetapi juga memperluaskan sumber pendapatan dalam industri pelancongan. Selain itu, MHPS akan mencipta peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan dalam bidang pengurusan homestay, perkhidmatan pelancongan, dan banyak lagi sekaligus bermanfaat membantu mengatasi isu pengangguran dalam kalangan komuniti tempatan. Seterusnya, dengan membangunkan MHPS juga dapat membantu dalam pemeliharaan warisan budaya Sabah agar tradisi tempatan terus hidup sebagai warisan kepada generasi akan datang. Kelestarian alam semula jadi juga menjadi keutamaan dalam pengurusan homestay, memastikan keindahan alam dikekalkan untuk dinikmati oleh generasi akan datang. Dalam konteks global yang semakin terbuka, pelancong Islam yang berkunjung melalui MHPS dapat memainkan peranan penting dalam mempromosikan pemahaman antara budaya dan agama, mencipta perdamaian, dan menghapuskan stereotaip negatif. Oleh itu, adalah penting untuk mengambil langkah ini untuk menjana pertumbuhan pelancongan Islamik yang mampan di Sabah.

Kata kunci: Model Homestay Patuh Syariah, Pelancongan Islamik, Sabah, Pembangunan, Patuh Syariah

EFFORTS TO DEVELOP SYARIAH-COMPLIANT HOMESTAY (MHPS) MODEL: LEADING ISLAMIC TOURISM IN SABAH

ABSTRACT

Sabah, as one of the states in Malaysia that is rich in natural beauty and cultural diversity, has great potential to become a major tourist destination in the context of Islamic tourism. This study investigates the importance of developing the Syariah Compliant Homestay Model (MHPS) in Sabah in mobilizing the Islamic tourism industry. MHPS brings together important elements that include sharia compliance, preservation of local culture, economic opportunities, and the sustainability of nature. Adherence to Islamic sharia values in homestay management will attract Muslim tourists who are looking for a tourism experience that is in line with their religious principles. This study uses quantitative and qualitative data obtained through direct observation, in-depth interviews, literature highlights and questionnaire distribution as a checklist. The results of the study found that the evaluation of the compliance scoring of sharia-compliant elements in the homestay services visited did not reach (100%) i.e. (89.3%). The highest score recorded was as many as 25 out of 28 compliance with the syariah-compliant elements that were examined. Thus, through research into the application of the characteristics of sharia-compliant accommodation services that are seen as relevant and appropriate to be promoted as catheristic in the Syariah-compliant Homestay Model (MHPS), it is necessary to immediately develop it as a guide and reference for existing homestay operators. With that, MHPS not only opens up new tourism opportunities but also expands the source of income in the tourism industry. In addition, MHPS will create job opportunities for local residents in the field of homestay management, tourism services, and many more while helping to overcome the issue of unemployment among the local community. Next, by developing MHPS can also help in the preservation of Sabah's cultural heritage so that local traditions live on as a legacy for future generations. The sustainability of nature is also a priority in homestay management, ensuring that the beauty of nature is maintained for future generations to enjoy. In an increasingly open global context, Muslim tourists visiting through MHPS can play an important role in promoting intercultural and religious understanding, creating peace, and eliminating negative stereotypes. Therefore, it is important to take this step to generate sustainable growth of Islamic tourism in Sabah

Key words: *Shariah Compliant Homestay Model, Islamic tourism, Sabah, Development, Shariah Compliant*

PENGENALAN

Pengumuman Malaysia sebagai 'Destinasi Mesra-Muslim Terbaik' dan 'Destinasi Mesra Wanita Muslim Terbaik' dalam *Halal in Travel Awards* adalah pencapaian yang luar biasa dan relevannya untuk membangunkan Model Homestay Patuh Syariah (MHPS) di Sabah dalam usaha menerajui pelancongan Islamik, (Sinar Harian, 01 Jun 2023). Pengiktirafan Malaysia sebagai destinasi mesra-Muslim terbaik menunjukkan kesungguhan negara dalam membangunkan pelancongan Islamik. Model Homestay Patuh Syariah (MHPS) di Sabah adalah satu langkah yang sejajar dengan usaha ini, kerana ianya memberi tumpuan kepada pematuhan nilai-nilai syariah dalam pengurusan homestay. Selain itu, penghargaan sebagai 'Destinasi Mesra Wanita Muslim Terbaik' juga mencerminkan keprihatinan Malaysia terhadap keselesaan dan keperluan wanita Muslim ketika melancong.

Pelancongan islamik atau halal di Malaysia menawarkan pelbagai peluang ekonomi dan mempunyai cabarannya yang tersendiri. Beberapa kajian lepas telah mengupas isu ini antaranya berkaitan pensijilan halal, strategi, dan isu dalam pembangunan pelancongan Islam di Malaysia, (Norhidayah dan Sa'adan, 2019; Haliza, 2018). Malaysia telah memanfaatkan potensi pasaran halal yang belum diterokai dengan menjadikannya sebagai satu peluang ekonomi baharu. Pun begitu, masih terdapat cabaran dalam penguatkuasaan undang-undang produk halal di kawasan sempadan Malaysia-Thailand serta isu-isu lain yang mempengaruhi pembangunan pelancongan Islam di Malaysia, (Lina dan Hairul, 2012). Malaysia juga perlu bersaing dalam membangun konsep pelancongan mesra Muslim untuk menarik lebih ramai pelancong Islam, (Astro Awani, 08 Disember 2019). Dengan memahami cabaran ini, Malaysia akan dapat terus memperbaiki strategi dan pelaksanaan untuk memajukan pelancongan islamik dan memanfaatkan potensi ekonomi yang terkandung di dalamnya untuk kemaslahatan komuniti lokal yang berperanan sebagai pengusaha homestay.

Kajian berkaitan pembentukan model homestay patuh syariah dalam meningkatkan pasaran pelancongan Islamik adalah penting kerana ianya dapat membantu meningkatkan jumlah pelancong Islam untuk melawati destinasi-destinasi pelancongan menarik khususnya di Malaysia. Terdapat beberapa kajian yang telah dilaksanakan berkaitan dengan ciri-ciri penginapan seperti hotel patuh syariah terhadap masa depan pelancongan Islam di Malaysia, (Munirah dan Naimah, 2021). Selain itu, terdapat juga usaha-usaha yang telah dilakukan bagi merealisasikan amalan yang berteraskan kepatuhan syariah seperti hotel patuh syariah dan perlancongan halal, (Noor Fiteri, 2014). Walaupun tiada peraturan di Malaysia yang mengawal sektor pelancongan Islam, penggiat industri pelancongan dan hospitaliti berpeluang meraih keuntungan sekiranya dapat melaksanakan amalan patuh syariah untuk mengendalikan pelanggan mereka yang beragama Islam dengan berpandukan kepada Model Homestay Patuh Syariah (MHPS) yang sedang dalam rangka usaha untuk dikomersialkan.

Model Homestay Patuh Syariah (MHPS) merupakan satu inisiatif untuk membangunkan penginapan yang mematuhi prinsip syariah bagi pelancongan Islamik khususnya di Sabah. MHPS ini bertujuan untuk menyediakan penginapan yang memenuhi keperluan pelancong Muslim, termasuk pematuhan terhadap syariah, kemudahan solat, makanan halal, dan persekitaran yang bersesuaian. Dengan memperkenalkan MHPS dalam perkembangan pelancongan islamik khususnya di Sabah berpotensi untuk menarik lebih banyak pelancong Muslim dan memperluaskan industri pelancongan Islamik di kawasan tersebut. Usaha ini juga dapat memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk melibatkan diri dalam sektor pelancongan dengan menyediakan penginapan yang memenuhi keperluan pelancong Muslim.

MHPS di Sabah boleh memainkan peranan penting dalam menyediakan kemudahan-kemudahan yang sesuai untuk wanita Muslim yang berkunjung ke negeri ini. Malaysia ingin menarik lebih banyak pelancong Muslim, yang merupakan segmen penting dalam industri pelancongan Islamik. Dengan membangunkan MHPS yang berlandaskan patuh syariah di Sabah, Malaysia dapat menawarkan penginapan yang lebih sejajar dengan prinsip-prinsip agama mereka, yang mungkin meningkatkan kedatangan pelancong Muslim. Melalui penjenamaan Sabah sebagai '*Destinasi Pelancongan Islamik*' dilihat dapat mengukuhkan MHPS dan Sabah boleh menjadikan dirinya sebagai bahagian penting dalam menerajui pelancongan Islamik di Malaysia.

Selain itu, usaha membangunkan MHPS dapat memberi peluang kepada pelancong untuk mengalami penginapan yang sesuai dengan nilai-nilai syariah sambil menikmati keindahan alam flora fauna Sabah seterusnya memberi peluang pekerjaan dan manfaat ekonomi kepada penduduk tempatan yang terlibat dalam pengurusan homestay. Ini adalah faktor penting dalam memajukan kesejahteraan komuniti setempat. Secara keseluruhannya, pengumuman Malaysia sebagai destinasi mesra-Muslim dan destinasi mesra-wanita Muslim terbaik telah membuktikan kesungguhan negara ini dalam memajukan pelancongan Islamik dan memahami keperluan pelancong Muslim. Dalam konteks Sabah, membangunkan Model Homestay Patuh Syariah (MHPS) adalah satu usaha padu dalam mencapai matlamat ini dan menjadikan Sabah sebagai destinasi pelancongan Islamik yang menarik dan mesra.

Galakan untuk mengembangkan tawaran khidmat mesra-Muslim dalam industri pelancongan tempatan dilihat selari dengan usaha membangunkan Model Homestay Patuh Syariah (MHPS) yang bertindak sebagai peneraju pelancongan Islamik ulung dalam konteks homestay di negeri Sabah khususnya dan di Malaysia amnya. MHPS di Sabah adalah satu contoh inisiatif yang secara khusus

menitikberatkan pematuhan syariah Islam dalam pengurusan homestay, yang sesuai dengan tuntutan pelancong Muslim. Justeru program seperti kursus '*Muslim-Friendly Tourist Guide*' (MFTG) yang dikelola oleh *Islamic Tourism Centre* (ITC) memberi peluang kepada pemain industri, termasuk pemandu pelancong untuk memahami dan memberikan perkhidmatan yang sesuai dengan keperluan pelancong Muslim. Ini adalah aspek penting dalam menjayakan konsep homestay patuh syariah. Program '*Muslim-Friendly Tourism and Hospitality Assurance and Recognition*' (MFAR) diperkenalkan antaranya bertujuan untuk memberikan peluang pengembangan perniagaan dalam bidang pelancongan Islamik, (Astro Awani, 02 Jun 2023).

Seterusnya, MHPS yang ditawarkan kepada pelancong Muslim dapat memberikan pengalaman menggunakan produk penginapan homestay patuh syariah yang bersesuaian dengan prinsip-prinsip agama Islam. Dengan demikian, usaha untuk membangunkan Model Homestay Patuh Syariah (MHPS) di Sabah adalah selaras dengan arus pemikiran dan perkembangan dalam industri pelancongan, yang menitikberatkan kepentingan khidmat mesra-Muslim, pembangunan profesionalisme dalam industri, dan peluang ekonomi yang berkaitan dengan pelancongan Islamik. Justeru perkhidmatan penginapan homestay berasaskan patuh syariah merupakan satu segmen pelancongan baru yang diwujudkan rentetan daripada kesedaran para pengusaha dan penggiat industri pelancongan Muslim dalam usaha memperkasakan pelancongan Islamik untuk meningkatkan imej dan syiar Islam khususnya di Sabah yang memiliki kepelbagaian budaya dan kepercayaan anutan agama, (Suhailah et al., 2022). Melalui pematuhan prinsip-prinsip syariah dalam pengurusan homestay, dilihat Sabah akan dapat menjadi destinasi pelancongan Islamik yang menarik dan mesra bagi pelancong Muslim dari seluruh dunia.

ISU DAN PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan tinjauan literatur, maklumat yang memperihalkan berkenaan homestay yang mematuhi syariah adalah terhad. Hasil penulisan artikel dan dokumen kebanyakannya adalah berkaitan pematuhan syariah secara umum, seperti penyelidikan mengenai syariah, audit, dan pengurusan, (Asiah & Dziauddin, 2017). Inap desa atau homestay adalah merupakan satu produk pelancongan yang kian berkembang maju dan semakin menjadi pilihan dalam kalangan pelancong di Malaysia dan tidak terkecuali di negeri Sabah. Menurut Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), statistik menunjukkan seramai 104,745 pelancong domestik dan antarabangsa menggunakan penginapan jenis homestay di Sabah antara tahun 2015 hingga 2017. Statistik tersebut menyenaraikan Negeri Sabah di kedudukan keempat tertinggi antara negeri-negeri di Malaysia iaitu dengan didahului oleh Negeri Pahang (371910), Johor (202300) dan Selangor (168899). Hal ini menunjukkan bahawa pemilihan homestay di Sabah khususnya di kawasan Borneo adalah lebih tinggi berbanding Negeri Sarawak (76354). Justeru, pembentukan model homestay patuh syariah adalah merupakan satu nilai tambah yang boleh dilaksanakan bagi tujuan memperkasakan pelancongan islamik di Sabah khususnya di destinasi-destinasi tarikan pelancong domestik dan antarabangsa.

Isu utama dalam usaha membangunkan Model Homestay Patuh Syariah (MHPS) di Sabah bagi menerajui pelancongan Islamik adalah disebabkan tiadanya lagi kesempurnaan dan terdapat unsur-unsur ketidakpatuhan kepada prinsip-prinsip syariah dalam pengurusan homestay yang sedia ada. Sebahagian besar homestay yang sedia ada mungkin tidak mematuhi sepenuhnya prinsip-prinsip syariah Islam dalam pengurusan mereka, seperti menyediakan makanan yang tidak halal, kurangnya kemudahan solat yang sesuai, atau aktiviti-aktiviti yang tidak sejajar dengan nilai-nilai agama Islam. Oleh itu perlu ada satu mekanisma dibangunkan untuk menjadi panduan dan rujukan agar pematuhan yang menyeluruh dalam pelaksanaan pengurusan dan perkhidmatan yang diberikan kepada pengunjung dapat dilaksanakan.

Ketidakpatuhan terhadap prinsip-prinsip syariah dalam homestay boleh menyebabkan ketidakpuasan dalam kalangan pelancong Muslim yang mencari pengalaman pelancongan yang patuh syariah. Ini boleh mengakibatkan hilangnya peluang untuk menarik pelancong Muslim yang lebih banyak dan setia. Selain itu, pengembangan homestay patuh syariah mungkin memerlukan sokongan dan pemahaman dari komuniti tempatan. Isu ini boleh melibatkan kebimbangan komuniti mengenai impak sosial dan budaya pengembangan homestay yang patuh syariah di kawasan mereka. Menurut Suhaida, Mastura dan Suraiyati (2017), program homestay seharusnya menawarkan pengalaman yang menarik termasuklah aktiviti rekreasi, budaya, pendidikan, dan interaksi sosial kepada para pelancong yang datang.

Homestay patuh syariah didefinisikan sebagai satu operasi perkhidmatan penginapan yang halal dan tidak melibatkan unsur-unsur haram dalam perniagaan, (Suhailah, Norcikeyonn & Mohd Nor Azan, 2022). Pengurusan homestay patuh syariah memerlukan pengetahuan dan pemahaman yang mendalam mengenai prinsip-prinsip syariah Islam. Ketiadaan standard dan panduan yang jelas boleh menyebabkan cabaran dalam memastikan pematuhan syariah yang konsisten di seluruh homestay. Sebagai contoh, Ahli *sunnah wal jamaah* ialah golongan yang memahami dan berpegang teguh dengan al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW menerusi para sahabat, *tabi' in* dan *tabi' tabi'in* serta setia bersama mereka dalam prinsip-prinsip akidah, syariah dan akhlak. Golongan ini dinamakan *al jamaah* kerana berkumpul di atas kebenaran dan bersatu untuk berjihad, melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi munkar*, menghidupkan sunnah dan menentang perkara *bid'ah* yang sesat, (Muhammad dan Muhammad Awais Qarni, 2023). Justeru, kefahaman dan pengetahuan boleh dipelajari menerusi kaedah tuntutan ilmu secara langsung daripada golongan ini bagi memastikan setiap amalan dan tatakelola dalam menjalani kehidupan dinilai sebagai ibadah. Sesuai dengan firman Allah SWT:

فَإِنَّمَا يَسِّرْنَا لَهُ بِلسَانِكَ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ

Maksudnya: “Maka sesungguhnya kami memudahkan Al-Quran dengan bahasamu (wahai Muhammad) moga-moga mereka mengambil pengajaran”.

(Surah Ad-Dukhan: 58)

Dalam sebuah hadis daripada Abdullah bin Mas'ud R.A, Nabi SAW telah bersabda:

Maksudnya: ‘Al-Quran ini adakah hidangan Allah. Oleh itu hadaplah hidangan Allah ini sepuas hati kamu. Al-Quran ini adalah tali Allah (cahaya yang menjadi petunjuk), cahaya yang terang dan ubat yang mujarab, pengawal bagi orang yang berpegang dengannya, penyelamat bagi orang yang mengikutnya, sesiapa yang tersesat akan dipandunya, sesiapa yang menyimpang akan dibetulkan, keajaibannya tiada henti, keagungan dan kemanisan bacaannya tidak akan terjejas walau sekerap mana sekalipun diulang. Bacalah kerana Allah, kerana ia akan memberikan kamu ganjaran jika kamu membacanya setiap satu huruf sepuluh ganjaran. Saya tidak katakan Alam Laam Miim sebagai satu huruf tetapi alif (1 huruf) dan Laam (1 huruf) dan Miim (1 huruf).’

Riwayat al-Hakim

Pengembangan MHPS juga memerlukan usaha pemasaran yang berkesan untuk mempromosikan konsep homestay patuh syariah di Sabah. Oleh itu, pelancong perlu diberi kesedaran dengan penyediaan platform informasi berkenaan pilihan penginapan ini dan manfaatnya dalam merasai pengalaman pelancongan yang sesuai dengan prinsip-prinsip agama. Penyelesaian kepada isu-isu ini adalah penting untuk memastikan kejayaan Model Homestay Patuh Syariah (MHPS) di Sabah dan usaha menarajui pelancongan Islamik di negeri ini dapat tercapai. Perkara ini melibatkan pematuhan yang ketat kepada nilai-nilai syariah, pemahaman terhadap keperluan pelancong Muslim, sokongan komuniti, pembangunan standard syariah yang jelas, dan strategi pemasaran yang berkesan. Misalnya, kaedah pemasaran digital merupakan cara yang berkesan untuk berkomunikasi dengan golongan milenium kerana penggunaan digital media yang meluas terutamanya melibatkan media sosial, (Noradilah, Mohd Rizal & Nur Shuhada, 2022). Media sosial adalah pilihan kepada industri hospitaliti kerana ianya menyediakan peluang untuk mengurus dan memasarkan perniagaan secara efektif dan kemudahcapaian secara rentas sempadan.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah terdiri daripada data kuantitatif dan kualitatif berbentuk deskriptif iaitu melalui ucapan lisan atau aksara tulisan, (Patton, 1990). Reka bentuk kajian yang bersifat kualitatif dan kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini melibatkan tiga jenis data iaitu hasil pemerhatian, temubual, dan bahan bertulis, (Suhailah, Mohd Nor Azan & Norcikeyonn, 2022). Data kualitatif dapat memberikan maklumat yang lebih mendalam mengenai ciri-ciri pengaplikasian homestay patuh syariah dalam aspek reka bentuk dan ruang persekitaran, seperti penyediaan ruang berwuduk, ruang khas solat, jumlah bilik tidur, dan tempat penyimpanan kasut atau selipar dalam susun atur pelan lantai kemudahan penginapan. Selain itu, data kualitatif juga dapat membantu dalam memahami persepsi masyarakat terhadap status penginapan homestay patuh syariah. Data kualitatif ini adalah penting untuk memberikan maklumat yang penting dalam pembentukan model homestay patuh syariah di Malaysia.

Temubual yang dilaksanakan untuk mendapatkan data kajian ini khususnya melibatkan operasi pelaksanaan perniagaan yang dikelolakan oleh para pengusaha homestay di beberapa lokasi tumpuan pelancong utama di Sabah iaitu sekitar Kota Kinabalu, Kundasang dan Semporna. Senarai homestay yang terlibat dalam kaji selidik ini diperincikan dalam Jadual 1. Borang soal selidik pula digunakan sebagai senarai semak untuk tujuan penelitian ciri-ciri penginapan berlandaskan patuh syariah yang disediakan oleh para pengusaha homestay di destinasi pilihan pelancong yang terlibat dalam kajian ini. Penggunaan borang soal selidik dalam kajian pelaksanaan homestay patuh syariah di Malaysia telah diperincikan dalam beberapa kajian. Sebagai contoh, kajian oleh Fatin Aziemah (2017) mengenai kepuasan pengunjung terhadap kualiti perkhidmatan homestay RH. Patrick Libau Niah, Miri, Sarawak menggunakan kaedah kualitatif (temubual) dan kuantitatif (borang soal selidik) dengan melibatkan 300 pengunjung. Selain itu, kajian oleh (Mohammad Azizol & Mohamad Saifudin, 2019) juga menggunakan borang soal selidik untuk menilai pengetahuan, penerimaan, dan kekangan pelancong terhadap perkhidmatan hotel patuh syariah di Malaysia. Oleh itu, penggunaan borang soal selidik telah terbukti penting dalam kajian-kajian berkaitan pelaksanaan homestay patuh syariah di Malaysia.

Kawasan Kajian dan Profil Responden

Kajian ini melibatkan tiga puluh buah (30) buah homestay di sekitar Bandaraya Kota Kinabalu, Kundasang dan Semporna, Sabah serta melibatkan tiga puluh (30) orang pengusaha atau kakitangan homestay yang aktif beroperasi seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 dan 2.

Jadual 1: Senarai Homestay Yang Terlibat

Kota Kinabalu	Kundasang	Semporna
5B Suite Homestay	D&D Homestay	Aleesya Homestay
Borneo Musafir Homestay	Hasah's Homestay	Anefa Homestay
D'Nur's Homestay	Kiram Village	Awani Homestay
Ermat's Guesthouse	Sulap Dahai	Lasa Guesthouse
Leisure Homestay	Sinurambi	Island Guesthouse
LK Stay	Sinurambi 2	D'Tampi Homestay
RHY Homestay	Midori Homestay	Khayrin's Homestay
Rumah Pangi Tuaran	Tisan Nulu Homestay	Mentari Homestay
City Muslim Sulap	Teratak Haji Rashiman	Art Homestay
Yayang Putatan Homestay	Nulu-Nuluw Farmhouse	Paghali-halian Homestay

Sumber: Kajian Lapangan (2022)

Jadual 2 Profil Responden

Kriteria	Frekuensi	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	15	50
Perempuan	15	50
Bangsa		
Melayu	5	16.7
Cina	1	3.3
Bumiputera Sabah	22	73.3
Lain-lain	2	6.7
Agama		
Islam	28	93.3
Kristian	2	6.7
Umur		
18-30 tahun	6	16.5
31-40 tahun	9	29.7
41 tahun ke atas	15	53.8
Tahap Pendidikan		
Sekolah Menengah	3	9.9
Pra Universiti	2	6.6
Diploma	1	3.3
Universiti	24	80.2
Jumlah	30	100

Jadual 1 menunjukkan senarai homestay yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini meliputi tiga destinasi pelancongan utama di Sabah iaitu Kota Kinabalu, Kundasang dan Semporna. Secara keseluruhannya, semua homestay yang disenaraikan masih menjalankan perkhidmatan sewaan homestay secara aktif dan kebanyakan lokasi homestay adalah di kawasan yang berkepadatan tinggi dan mempunyai tarikan pelancongan lain seperti alam semula jadi, makanan halal dan juga kemudahan-kemudahan asas pelancong seperti akses pengangkutan, telekomunikasi dan gedung beli belah seperti penjualan kraf tangan. Sementara itu, responden yang ditemui dan sudi terlibat dalam kajian ini majoritinya adalah dalam kalangan pengusaha homestay itu sendiri dan yang beragama Islam seperti dalam Jadual 2 iaitu sebanyak 93.3 %.

Namun demikian, ada juga responden dalam kalangan pengusaha homestay yang bukan beragama Islam iaitu sekitar 6.7 % turut berminat menjadi responden kajian kerana berpendapat bahawa perlunya pendedahan secara lebih terperinci berkenaan perkhidmatan penginapan yang perlu disediakan khususnya kepada para penginap yang beragama Islam yang turut menggunakan perkhidmatan homestay yang mereka sediakan. Keterbukaan dan kesediaan para pengusaha homestay yang terlibat dalam kajian ini menunjukkan bahawa pembentukan Model Homestay Patuh Syariah (MHPS) khususnya di Sabah mempunyai potensi luas untuk dikomersialkan sebagai salah satu produk pelancongan Islamik di Sabah, amnya di Malaysia dan juga negara jiran Islam senusantara seperti Brunei Darussalam dan Indonsesia. Bahagian berikutnya memperincikan dapatan kajian iaitu meliputi pengaplikasian ciri-ciri penginapan patuh syariah dan juga potensi komersial pembentukan Model Homestay Patuh Syariah (MHPS) sebagai produk pelancongan islamik bagi negara-negara Islam di nusantara.

Penemuan Kajian

Jadual 3 memperincikan ciri-ciri pembentukan homestay berasaskan patuh syariah mengikut tinjauan ciri-ciri sedia ada dan juga tambah baik indikator baru mengikut kesesuaian fokus kajian. Terdapat lima ciri-ciri penginapan patuh syariah yang diperincikan iaitu;

Jadual 3 Ciri-ciri Pembentukan Model *Homestay* Patuh Syariah (MHPS)

Kod	C1 - Reka Bentuk dan Ruang Persekitaran (Bilik)
C1.1	Penginap tidak boleh/ tidak pernah membawa alkohol dalam premis
C1.2	Mempunyai arah kiblat, telekung, sejadah dan Al-Quran
C1.3	Kedudukan katil dan tandas yang tidak menghadap kiblat
C1.4	Mempunyai nota (doa) dalam setiap bilik hotel
C1.5	Sistem pengudaraan dan bilik diselenggara dengan baik
Kod	C2 – Organisasi dan kakitangan penginapan
C2.1	Berpakaian yang menutup aurat
C2.2	Mementingkan keselamatan yang tinggi
C2.3	Memastikan premis dalam keadaan yang bersih
C2.4	Kakitangan mengeluarkan zakat/ cukai
C2.5	Pengurusan kewangan berlandaskan hukum syarak
Kod	C3 – Etika Pelanggan/ Penginap
C3.1	Pakaian yang menutup aurat
C3.2	Menjaga adab dan akhlak
C3.3	Penginapan berlandaskan konsep (mahram)
C3.4	Sentiasa menjaga kebersihan diri dan ruang penginapan
Kod	C4 – Kemudahan umum
C4.1	Televisyen perlu mempunyai saluran informasi Islam
C4.2	Menyediakan kayu sugi/ pembersih gigi
C4.3	Menyediakan kalendar waktu solat
C4.4	Senarai masjid berdekatan disediakan
C4.5	Senarai restoran halal berdekatan disediakan
C4.6	Kemudahan tandas mesra pelanggan Muslim
C4.7	Musolla / surau awam
Kod	C5 – Keselamatan dan keselesaan
C5.1	Pagar keselamatan
C5.2	Penyediaan CCTV
C5.3	Penyediaan alat pemadam kebakaran
C5.4	Pengurusan sisa pepejal sistematik
C5.5	Ruang merokok (khas)
C5.6	Persekitaran (semak samun dan ancaman binatang liar)
C5.7	Menyediakan kit pertolongan cemas

Sumber: Diubahsuai daripada Siti Fatma dan Rosmawati (2015)

Kod C1 hingga C4 adalah merupakan ciri-ciri penginapan patuh syariah yang telah diperincikan dalam tulisan artikel Siti Fatma dan Rosmawati (2015). Walaubagaimanapun, penelitian ciri-ciri penginapan patuh syariah yang dilaksanakan adalah bertaraf hotel serta perniagaan berskala besar. Sementara itu, Kod C5 adalah merupakan ciri-ciri baru yang dimasukkan dalam usaha membentuk Model penginapan patuh syariah untuk menjadikan penilaian atau pematuhan standard sesebuah premis penginapan tersebut mencapai tahap patuh syariah dalam kalangan pelancong atau penginap Muslim iaitu elemen keselamatan dan keselesaan penginap, (Suhailah, Norcikeyonn & Mohd Nor Azan, 2022). Jaminan keselamatan di sesebuah destinasi pelancongan merupakan faktor penting dalam pembuatan keputusan para pelancong. Kajian yang dilaksanakan oleh Hanirah (2007) mendapati bahawa aspek keselamatan semakin menjadi pilihan utama kesemua responden (pelancong) apabila mereka memilih lokasi yang selamat dalam percutian mereka khususnya yang berkaitan dengan kemudahan fasiliti yang disediakan. Seterusnya, Jadual 4 hingga Jadual 8 adalah merupakan dapatan data bagi pengplikasian ciri-ciri kemudahan homestay patuh syariah mengikut homestay yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 4 Pengaplikasian Patuh Syariah Dalam Reka Bentuk Dan Ruang Persekitaran (Bilik)

Lokasi Homestay		Tandakan (/) pematuhan ciri-ciri homestay seperti dalam penelitian					Jumlah Penuh (5)
		C1.1	C1.2	C1.3	C1.4	C1.5	
Kota Kinabalu	5B Suite Homestay	/	/	/	x	/	4/5
	Borneo Musafir Homestay	/	x	/	/	/	4/5
	D’Nur’s Homestay	/	/	x	x	/	3/5
	Ermat’s Guesthouse	/	/	/	x	/	4/5
	Leisure Homestay	/	/	x	x	/	3/5
	LK Stay	/	/	/	x	/	4/5
	RHY Homestay	/	/	/	x	/	4/5
	Rumah Pangi Tuaran	/	/	/	x	/	4/5
	City Muslim Sulap	/	/	x	x	/	3/5
	Yayang Putatan Homestay	/	/	/	x	/	4/5
Kundasang	D&D Homestay	/	/	/	x	/	4/5
	Hasah’s Homestay	/	/	/	x	/	4/5
	Kiram Village	/	x	x	x	/	2/5
	Sulap Dahai	/	/	x	x	/	3/5
	Sinurambi	/	/	/	x	/	4/5
	Sinurambi 2	x	/	/	x	/	3/5
	Midori Homestay	x	/	/	x	/	3/5
	Tisan Nulu Homestay	x	x	/	x	/	4/5
	Teratak Haji Rashiman	/	/	/	x	/	4/5
	Nulu-Nuluw Farmhouse	/	/	x	x	/	3/5
Semporna	Aleesya Homestay	/	/	/	/	/	5/5
	Anefa Homestay	/	x	/	/	/	4/5
	Awani Homestay	/	/	/	x	/	4/5
	Lasa Guesthouse	/	/	/	x	/	4/5
	Island Guesthouse	/	/	x	x	/	3/5
	D’Tampi Homestay	/	/	/	x	/	4/5
	Khayrin’s Homestay	/	/	/	/	/	5/5
	Mentari Homestay	/	/	/	x	/	4/5
	Art Homestay	x	/	/	x	/	3/5
Paghali-halian Homestay	x	/	/	x	/	3/5	

Sumber: Kajian Lapangan (2022)

Berdasarkan Jadual 4, penelitian terhadap pengaplikasian berasaskan patuh syariah dalam aspek reka bentuk dan ruang persekitaran khususnya bilik mendapati bahawa hanya dua (2) buah homestay mencatatkan pematuhan dengan penilaian jumlah (5/5) iaitu Aleesya Homestay dan Khayrin’s Homestay yang terletak di daerah Semporna. Sementara itu, markah paling rendah dalam penelitian bagi kepatuhan dari sudut syarak iaitu (2/5) dicatatkan oleh Kiram Village yang terletak di Daerah Kundasang.

Jadual 5 Pengaplikasian Patuh Syariah Dalam Organisasi dan Kakitangan Penginapan

Lokasi Homestay		Tandakan (/) pematuhan ciri-ciri homestay seperti dalam penelitian					Jumlah Penuh (5)
		C2.1	C2.2	C2.3	C2.4	C2.5	
Kota Kinabalu	5B Suite Homestay	/	/	/	/	/	5/5
	Borneo Musafir Homestay	/	/	/	/	/	5/5
	D’Nur’s Homestay	/	/	/	x	x	3/5
	Ermat’s Guesthouse	/	/	/	x	/	4/5
	Leisure Homestay	/	/	/	x	x	3/5
	LK Stay	/	/	/	x	x	3/5
	RHY Homestay	/	/	/	x	/	4/5
	Rumah Pangi Tuaran	x	/	/	/	/	4/5
	City Muslim Sulap	/	/	/	/	x	4/5
	Yayang Putatan Homestay	/	/	/	/	/	5/5
Kudasang	D&D Homestay	/	/	/	x	/	4/5
	Hasah’s Homestay	/	/	/	/	/	5/5
	Kiram Village	/	/	/	/	/	5/5
	Sulap Dahai	x	/	/	/	x	3/5
	Sinurambi	/	/	/	/	/	5/5
	Sinurambi 2	x	/	/	/	/	4/5
	Midori Homestay	/	/	/	/	/	5/5
	Tisan Nulu Homestay	/	/	/	x	/	4/5
	Teratak Haji Rashiman	/	/	/	/	/	5/5
	Nulu-Nuluw Farmhouse	/	/	/	/	/	5/5
Semporna	Aleesya Homestay	/	/	/	/	/	5/5
	Anefa Homestay	/	/	/	/	/	5/5
	Awani Homestay	/	/	/	/	/	5/5
	Lasa Guesthouse	x	/	/	x	/	3/5
	Island Guesthouse	/	/	/	/	x	4/5
	D’Tampi Homestay	/	/	/	/	/	5/5
	Khayrin’s Homestay	/	/	/	/	/	5/5
	Mentari Homestay	/	/	/	/	/	5/5
	Art Homestay	/	/	/	/	/	5/5
	Paghali-halian Homestay	/	/	/	/	/	5/5

Sehubungan dengan itu, terdapat tujuh belas (17) buah homestay mencatatkan pematuhan dengan penilaian jumlah (5/5) pada aspek patuh syariah dalam pengurusan organisasi dan kakitangan penginapan. Di Kota Kinabalu, sebanyak tiga (3) buah homestay yang mencapai pematuhan penuh iaitu 5B Suite Homestay, Borneo Musafir Homestay dan Yayang Putatan Homestay. Sementara itu, enam (6) buah lagi dicatatkan mencapai pematuhan penuh di Daerah Kudasang iaitu Hasah’s Homestay, Kiram Village, Sinurambi Homestay, Midori Homestay, Teratak Haji Rashiman dan Nuluw-Nuluw Farmhouse. Manakala, sebanyak 8 (buah) homestay dicatatkan mencapai pematuhan penuh di Daerah Semporna iaitu Aleesya Homestay, Anefa Homestay, Awani Homestay, D’Tampi Homestay, Khayrin’s Homestay, Mentari Homestay, Art Homestay dan Paghali-halian Homestay. Secara kasarnya, dilihat homestay yang paling rendah mengamalkan pematuhan syarak dalam aspek pengurusan organisasi dan kakitangan penginapan adalah para pengusaha di sekitar Bandaraya Kota Kinabalu.

Jadual 6 Pengaplikasian Patuh Syariah Dalam Etika Pelanggan atau Penginap

Lokasi Homestay		Tandakan (/) pematuhan ciri-ciri homestay seperti dalam penelitian				Jumlah Penuh (4)
		C3.1	C3.2	C3.3	C3.4	
Kota Kinabalu	5B Suite Homestay	/	/	/	/	4/4
	Borneo Musafir Homestay	/	x	/	/	3/4
	D’Nur’s Homestay	x	/	/	/	3/4
	Ermat’s Guesthouse	x	/	/	/	3/4
	Leisure Homestay	/	/	/	/	4/4
	LK Stay	x	/	x	/	2/4
	RHY Homestay	x	/	/	/	3/4
	Rumah Pangi Tuaran	x	x	x	/	1/4
	City Muslim Sulap	/	/	/	/	4/4
Yayang Putatan Homestay	/	/	/	/	4/4	
Kundasang	D&D Homestay	x	/	/	/	3/4
	Hasah’s Homestay	/	/	/	/	4/4
	Kiram Village	x	/	/	/	3/4
	Sulap Dahai	x	x	x	/	1/4
	Sinurambi	x	x	/	x	1/4
	Sinurambi 2	x	x	x	x	0/4
	Midori Homestay	/	/	/	/	4/4
	Tisan Nulu Homestay	/	/	x	/	3/4
	Teratak Haji Rashiman	/	/	/	/	4/4
Nulu-Nuluw Farmhouse	/	/	x	/	3/4	
Semporna	Aleesya Homestay	/	/	/	/	4/4
	Anefa Homestay	/	/	/	/	4/4
	Awani Homestay	/	/	/	/	4/4
	Lasa Guesthouse	x	/	x	/	2/4
	Island Guesthouse	/	/	/	/	4/4
	D’Tampi Homestay	/	/	x	/	3/4
	Khayrin’s Homestay	/	/	/	/	4/4
	Mentari Homestay	/	/	/	/	4/4
	Art Homestay	/	/	/	/	4/4
Paghali-halian Homestay	/	/	/	/	4/4	

Terdapat lima belas (15) buah homestay mencatatkan pematuhan dengan penilaian jumlah (4/4) iaitu sebanyak tiga (3) buah homestay dicatatkan di Bandaraya Kota Kinabalu iaitu 5B Suite Homestay, City Muslim Sulap dan Yayang Putatan Homestay. Sementara itu, di Daerah Kundasang juga mencatatkan tiga (3) buah homestay yang mencapai pematuhan syarak penuh dalam aspek etika pelanggan atau penginap iaitu Hasah’s Homestay, Midori Homestay dan Teratak Haji Rashiman. Catatan tertinggi sebanyak lapan (8) buah homestay terletak di Daerah Semporna iaitu Aleesya Homestay, Anefa Homestay, Awani Homestay, Island Guesthouse, Khayrin’s Homestay, Mentari Homestay, Art Homestay dan Paghali-halian Homestay. Manakala terdapat satu (1) buah homestay mencatatkan penilaian pematuhan (0/4) iaitu Sinurambi 2 yang terletak di Daerah Kundasang. Secara rumusannya, majoriti pematuhan syarak dalam aspek etika pelanggan dan penginap adalah di perkhidmatan homestay yang beroperasi sekitar Daerah Semporna.

Jadual 7 Pengaplikasian Patuh Syariah Dalam Kemudahan Umum

Lokasi Homestay		Tandakan (/) pematuhan ciri-ciri homestay seperti dalam penelitian							Jumlah Penuh (7)
		C4.1	C4.2	C4.3	C4.4	C4.5	C4.6	C4.7	
Kota Kinabalu	5B Suite Homestay	/	X	X	X	X	/	X	2/7
	Borneo Musafir Homestay	X	X	X	/	X	/	X	2/7
	D’Nur’s Homestay	/	X	X	/	X	/	/	4/7
	Ermat’s Guesthouse	X	X	X	X	/	/	/	3/7
	Leisure Homestay	/	X	X	X	/	X	X	2/7
	LK Stay	X	X	X	X	/	/	X	2/7
	RHY Homestay	/	X	X	X	/	/	X	3/7
	Rumah Pangi Tuaran	X	X	X	X	/	X	X	1/7
	City Muslim Sulap	/	X	X	X	/	/	X	3/7
Yayang Putatan Homestay	/	X	X	/	/	/	/	5/7	
Kundasang	D&D Homestay	X	X	X	X	/	/	/	3/7
	Hasah’s Homestay	X	X	X	/	/	/	/	4/7
	Kiram Village	X	X	X	X	X	/	/	2/7
	Sulap Dahai	X	X	X	X	/	X	X	1/7
	Sinurambi	/	X	X	/	/	/	X	3/7
	Sinurambi 2	X	X	X	/	/	/	X	3/7
	Midori Homestay	X	X	X	/	/	/	/	4/7
	Tisan Nulu Homestay	/	/	X	/	/	/	X	5/7
	Teratak Haji Rashiman	X	X	X	/	/	/	X	3/7
	Nulu-Nuluw Farmhouse	/	X	X	X	X	X	X	1/7
Semporna	Aleesya Homestay	/	X	X	X	X	/	X	2/7
	Anefa Homestay	/	X	X	/	/	/	X	4/7
	Awani Homestay	/	X	X	X	X	/	X	2/7
	Lasa Guesthouse	/	X	X	/	/	/	X	4/7
	Island Guesthouse	X	X	X	X	X	/	X	1/7
	D’Tampi Homestay	X	X	X	/	/	/	X	3/7
	Khayrin’s Homestay	/	X	/	/	/	/	X	5/7
	Mentari Homestay	/	X	X	/	/	/	X	4/7
	Art Homestay	/	X	X	/	/	/	X	4/7
Paghali-halian Homestay	X	X	X	/	/	/	X	3/7	

Jadual 7 pula menunjukkan bahawa tiada homestay mencatatkan pematuhan syarak penuh dengan penilaian jumlah (7/7) pada aspek penyediaan kemudahan umum kepada pelancong atau penginap. Catatan tertinggi adalah dicatatkan pada markah (5/7) yang dicatatkan oleh Yayasan Putatan Homestay (Kota Kinabalu), Tisan Nuluw Homestay (Kundasang) dan Khayrin’s Homestay (Semporna). Catatan penilaian markah pematuhan paling rendah ialah (1/7) iaitu di Rumah Pangi Tuaran (Kota Kinabalu), Sulap Dahai dan Nulu-Nuluw Farmhouse (Kundasang) serta Island Guesthouse (Semporna).


Jadual 8 Pengaplikasian Patuh Syariah Dalam Keselamatan dan Keselesaan

Lokasi Homestay		Tandakan (/) pematuhan ciri-ciri homestay seperti dalam penelitian							Jumlah Penuh (7)
		C5. 1	C5. 2	C5. 3	C5. 4	C5. 5	C5. 6	C5. 7	
Kota Kinabalu	5B Suite Homestay	/	X	/	/	/	/	x	5/7
	Borneo Musafir Homestay	/	/	/	x	x	/	x	4/7
	D’Nur’s Homestay	/	X	/	/	x	/	x	4/7
	Ermat’s Guesthouse	/	X	/	/	/	/	x	5/7
	Leisure Homestay	/	/	/	/	x	/	/	6/7
	LK Stay	/	/	/	/	/	/	X	6/7
	RHY Homestay	/	/	/	/	x	/	/	6/7
	Rumah Pangi Tuaran	/	X	/	/	/	/	/	6/7
	City Muslim Sulap	/	/	/	/	/	/	X	6/7
	Yayang Putatan Homestay	/	/	X	/	/	/	/	6/7
Kundasang	D&D Homestay	X	X	/	X	x	/	X	2/7
	Hasah’s Homestay	X	/	/	/	/	/	/	6/7
	Kiram Village	X	X	X	/	/	/	/	4/7
	Sulap Dahai	X	/	/	/	/	/	/	6/7
	Sinurambi	/	X	/	/	/	/	/	6/7
	Sinurambi 2	/	X	/	/	/	/	/	6/7
	Midori Homestay	X	X	/	/	/	/	/	5/7
	Tisan Nulu Homestay	/	X	/	/	/	/	/	6/7
	Teratak Haji Rashiman	X	X	/	/	/	/	/	5/7
	Nulu-Nuluw Farmhouse	/	/	/	/	/	/	/	7/7
Semporna	Aleesya Homestay	/	/	/	/	/	/	/	7/7
	Anefa Homestay	/	X	X	/	x	/	X	3/7
	Awani Homestay	/	X	/	/	x	/	/	5/7
	Lasa Guesthouse	/	X	/	/	x	/	X	4/7
	Island Guesthouse	/	X	/	/	/	/	X	5/7
	D’Tampi Homestay	/	/	/	/	/	/	/	7/7
	Khayrin’s Homestay	/	X	/	/	/	/	/	6/7
	Mentari Homestay	/	X	/	/	/	/	/	6/7
	Art Homestay	X	X	/	/	/	/	/	5/7
	Paghali-halian Homestay	/	X	/	/	/	/	x	5/7

Jadual 8 pula menunjukkan bahawa terdapat tiga (3) buah homestay mencatatkan pematuhan dengan penilaian jumlah (6/6) pada aspek keselamatan dan keselesaan iaitu di Nulu-Nuluw Farmhouse (Kundasang) dan Aleesya Homestay serta D’Tampi Homestay (Semporna). Secara majoritinya, pematuhan penyediaan aspek keselamatan dan keselesaan masih rendah diaplikasikan oleh setiap pengusaha homestay. Catatan penilaian paling rendah iaitu (1/6) dicatatkan pada D&D Homestay yang terletak di Daerah Kundasang.


Beralih kepada dapatan Rajah 1 hingga Rajah 5 menunjukkan hasil analisis frekuensi bagi setiap indikator ciri-ciri penginapan patuh syariah yang diteliti dalam kajian ini. Setiap indikator yang dijelaskan dalam Rajah 1 hingga Rajah 5 adalah merupakan indikator yang telah disemak mengikut dapatan pemerhatian semasa kajian lapangan dilaksanakan. Kriteria bertanda (x) seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 adalah tidak sesuai digunakan/ digugurkan dalam penelitian kerana ianya

hanya sesuai untuk digunakan dalam kajian penginapan bertaraf hotel. Sementara itu, kriteria bertanda (/) digunakan dalam kajian ini kerana ianya dilihat sesuai dan relevan digunakan dalam penelitian penginapan berkapasiti *homestay* yang bersifat milikan tunggal.



Rajah 1 C1 – Reka bentuk dan ruang persekitaran (Bilik)


Rajah 1 menunjukkan indikator ciri-ciri yang mencatatkan pengaplikasian yang tertinggi adalah pada sistem pengudaraan dan bilik diselenggara dengan baik dengan peratusan penuh 100%. Manakala, catatan peratusan pengaplikasian ciri-ciri yang paling rendah adalah dalam aspek penyediaan nota (doa) dalam setiap bilik *homestay* bersamaan 13.3% atau diwakili 4 buah *homestay* daripada 30 buah *homestay* yang dikaji. Secara keseluruhan, daripada lima (5) indikator ciri-ciri yang dikemukakan, hanya satu (1) sahaja indikator yang mencapai tahap pengaplikasian penuh 100%, dan empat (4) lagi indikator tidak mencapai pengaplikasian penuh ciri-ciri *homestay* patuh syariah dalam aspek reka bentuk dan ruang persekitaran (bilik).



Rajah 2 C2 – Organisasi dan kakitangan penginapan


Beralih kepada dapatan dalam Rajah 2 menunjukkan hanya dua (2) indikator mencatatkan penilaian penuh 100% bagi pengaplikasian ciri-ciri *homestay* patuh syariah dalam aspek organisasi dan kakitangan penginapan iaitu mementingkan keselamatan yang tinggi dan memastikan premis dalam

keadaan yang bersih. Sementara itu, tiga (3) lagi indikator tidak mencapai pengaplikasian penuh iaitu kakitangan berpakaian yang menutup aurat (86.7 %), pengurusan kewangan berlandaskan hukum syarak (76.7%) dan kakitangan mengeluarkan zakat atau cukai (73.3 %).




Rajah 3 C3 – Etika Pelanggan atau Penginap

Rajah 3 pula mengemukakan empat (4) indikator dalam ciri-ciri etika pelanggan dan penginap. Melalui perincian peratusan didapati bahawa keempat-empat indikator yang diperincikan dalam Jadual 4 tidak mencapai pengaplikasian secara penuh atau 100 %. Peratusan pengaplikasian yang tinggi cuma sekitar (93.3 %) iaitu bagi etika pelanggan atau penginap yang sentiasa menjaga kebersihan diri dan ruang penginapan. Etika pelanggan atau penginap paling rendah peratusannya adalah pada etika berpakaian yang menutup aurat dengan catatan (63.3 %).



Rajah 4 C4 – Kemudahan umum

Seterusnya, Rajah 4 menerangkan pengaplikasian kemudahan umum dalam *homestay* patuh syariah yang dikaji. Hasil kajian mendapati bahawa, semua tujuh (7) indikator yang disenaraikan tidak mencapai tahap pengaplikasian penuh 100 %. Peratusan pengaplikasian yang tinggi bagi ciri-ciri *homestay* patuh syariah bagi aspek kemudahan umum adalah sebanyak (86.7 %) bagi penyediaan tandas mesra Muslim, diikuti dengan menyenaraikan restoran halal berhampiran (77.3 %). Sementara itu, dua lagi indikator mencapai pengaplikasian yang paling rendah iaitu masing-masing dengan peratusan (3.3 %) atau mewakili 1 daripada 30 buah *homestay* yang terlibat dalam kajian ini iaitu pengusaha menyediakan kayu sugi atau pembersih gigi dan kalendar waktu solat.



Rajah 5 C5 – Keselamatan dan keselesaan

Daripada tujuh (7) kriteria dalam ciri-ciri keselamatan yang disediakan dalam kemudahan penginapan homestay, tiada satu pun kriteria yang mencapai tahap pematuhan 100 %. Peratusan tertinggi yang dicatatkan pada penjagaan persekitaran daripada semak samun dan ancaman binatang liar iaitu (96.6 %) atau mewakili 29 buah homestay, diikuti dengan pengurusan sisa pepejal secara sistematik dengan catatan (93.3 %) atau mewakili 28 buah homestay. Sementara itu, indikator penyediaan CCTV pula mencatatkan peratusan yang paling rendah dengan diwakili 11 buah dari 30 buah homestay terlibat dengan nilai peratusan (36.7 %).

Sementara itu, Jadual 9 menjelaskan kedudukan pematuhan markah penelitian pengaplikasian ciri-ciri penginapan homestay patuh syariah mengikut 30 buah homestay yang terlibat dalam kajian ini. Hasil penelitian semasa kajian lapangan mendapati tiada homestay yang mencatatkan pematuhan penuh 100 % atau 28 markah bagi pengaplikasian ciri-ciri homestay patuh syariah yang disenaraikan. Namun begitu, Khayrin's Homestay yang terletak di Semporna mencatatkan pematuhan markah paling tinggi iaitu 25 daripada 28 markah pematuhan indikator atau 89.3 %, diikuti dengan Yayang Putatan Homestay di Kota Kinabalu dengan markah 24 daripada 28 atau 85.7 % dan tempat ketiga diwakili oleh Mentari Homestay dan Aleesya Homestay yang terletak di daerah Semporna dengan perkongsian markah yang sama iaitu 23 daripada 28 atau 82.1%.

Kedudukan pematuhan markah paling rendah dicatatkan oleh Sulap Dahai dengan 14 daripada 28 markah atau 50 %. Walaubagaimanapun, pematuhan markah ini masih berpotensi untuk diperbaiki dari masa ke masa bergantung kepada komitmen dan komitednya para pengusaha homestay dalam memastikan penyediaan kemudahan penginapan patuh syariah dapat dilaksanakan untuk memenuhi kehendak pelancong atau penginap yang inginkan kemudahan mesra Muslim. Agama dalam bidang pelancongan adalah penting kerana pelancong yang mempunyai pegangan agama yang kuat boleh memberi dorongan kepada pelancong yang lain untuk mencari keperluan wajib seperti tempat dan persekitaran berpandukan agama, (Adi & Amos, 2008). Konsep Syariah bukan hanya satu teori semata-mata, tetapi ia merupakan cara hidup yang dilaksanakan di bawah perintah Allah SWT serta kepatuhan padaNya, (Md Hamzaimi, Nasrul & Mohd Azman, 2015).

Berdasarkan kepada penelitian kajian-kajian lepas dapat disimpulkan bahawa kecenderungan pengkaji adalah meninjau dan memperbaiki pelaksanaan homestay patuh syariah, termasuk aspek reka bentuk, ruang persekitaran, dan pemahaman maksud homestay berasaskan patuh syariah. Dalam kajian rintis yang dilaksanakan, ditemukan bahawa aspek reka bentuk dan ruang persekitaran adalah merupakan komponen utama yang perlu diberikan perhatian secara menyeluruh oleh para pengusaha penginapan homestay yang terlibat. Berdasarkan kepada tinjauan literatur mendapati bahawa kemudahan penginapan patuh syariah yang selalu menjadi tumpuan pengkaji di Malaysia adalah

berfokus kepada hotel-hotel berskala besar. Namun demikian, kajian kemudahan penginapan daripada jenis homestay yang berpandukan patuh syariah masih kurang dibincangkan. Tambahan lagi, tiada satu panduan khusus yang merujuk kepada penginapan homestay yang boleh digunakan oleh para pengusaha homestay bagi memastikan perkhidmatan penginapan yang ditawarkan adalah patuh syariah. Justeru, usaha membangunkan Model Homestay Patuh Syariah (MHPS) ini adalah salah satu keperluan dalam memperkasakan industri pelancongan Islamik khususnya di Malaysia.

Jadual 9 Kedudukan Jumlah Pematuhan Penelitian Pengaplikasian Ciri-Ciri Kemudahan Homestay Patuh Syariah

Kedudukan Pematuhan	Nama Homestay	Lokasi	Markah Penilaian (28)
1	Khayrin's Homestay	Semporna	25
2	Yayang Putatan Homestay	Kota Kinabalu	24
3	Mentari Homestay	Semporna	23
	Aleesya Homestay		
4	D'Tampi Homestay	Semporna	22
	Tisan Nulu Homestay	Kundasang	
5	Paghali-halian Homestay	Semporna	21
	Art Homestay		
	Teratak Haji Rashiman Midori Homestay	Kundasang	
6	Awani Homestay	Semporna	20
	Anefa Homestay		
	City Muslim Sulap	Kota Kinabalu	
	5B Suite Homestay RHY Homestay		
7	Nulu-Nuluw Farmhouse	Kundasang	19
	Sinurambi		
	Ermata's Guesthouse	Kota Kinabalu	
8	Leisure Homestay	Kota Kinabalu	18
	Borneo Musafir Homestay		
9	Island Guesthouse	Semporna	17
	Lasa Guesthouse		
	LK Stay	Kota Kinabalu	
	D'Nur's Homestay		
10	Sinurambi 2	Kundasang	16
	Kiram Village		
	Hasah's Homestay		
	Rumah Pangi Tuaran	Kota Kinabalu	
11	D&D Homestay	Kundasang	15
12	Sulap Dahai	Kundasang	14

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat potensi yang besar untuk membangunkan pelancongan Islamik di Sabah, dan model homestay patuh Syariah boleh menjadi alternatif yang baik untuk menarik pelancong Muslim ke Sabah. Usaha menyebarkan syiar Islam adalah satu tuntutan kepada setiap hamba Allah S.W.T yang berakal waras dan sihat tubuh badan. Dalam industri pelancongan yang menjanjikan pengalaman yang menyeronokkan perlu diselitkan dan dititipkan rasa kecintaan dan kesyukuran atas nikmat dan zat Allah S.W.T yang dirasakan. Pematuhan syarak dan menjaga kesucian agama adalah

perkara wajib yang dituntut bagi setiap Muslim dalam setiap perbuatan dan perkataan yang dituturkan mahupun ditulis. Pada masa sama, advokasi secara tidak langsung berkenaan dengan pematuhan syarak dalam pengaplikasian ciri-ciri perkhidmatan penginapan seperti homestay dapat dinikmati oleh para pelancong dan penginap domestik dan antarabangsa yang bukan beragama Islam.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai sepenuhnya oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi geran penyelidikan Skim Dana Khas (SDK0336-2022).

BIODATA

Suhailah Abdul Muin merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah

Mohd Nor Azan Abdullah merupakan pensyarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. *Email: azan@ums.edu.my*

Norcikeyonn Samuni merupakan Pembantu Penyelidik, Geran Skim Dana Khas SDK0336-2022, Universiti Malaysia Sabah. *Email: uncuyunn89@yahoo.com*

RUJUKAN

- Adi, W. & Amos, S. R. (2008). 'Religious Needs in the Tourism Industry', *Anatolia. An International Journal of Tourism and Hospitality Research*. 19(2). 357–361.
- Al-Quran dan terjemahan.
- Asiah, A. S. & Dziauddin, S. (2017). Penasihat Syariah di Penyedia Perkhidmatan Ar-Rahnu: Tinjauan Semula Terhadap Garis Panduan dan Pelaksanaan. *Jurnal Muamalat*. 10, 1-17.
- Astro Awani. (2023, 02 Jun). *Malaysia Destinasi Mesra Muslim Terbaik OIC*. Dalam <https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/malaysia-destinasi-mesra-muslim-terbaik-oic-x8lfs4c>
- Astro Awani. (2019, 08 Disember). *Malaysia Perlu Rebut Peluang Bangun Pelancongan Mesra Muslim*. Dalam <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-perlu-rebut-peluang-bangun-pelancongan-mesra-muslim-224769>.
- Fatin Aziemah, R. (2017). Kepuasan Pengunjung Terhadap Kualiti Perkhidmatan Homestay RH. Patrick Libau Niah, Miri. Program Perguruan Seni. Fakulti Seni Gunaan dan kReatif, Universiti Malaysia Sarawak.
- Haliza, A. R. (2018). Potensi dan Cabaran Dalam Memajukan Pelancongan Islam di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Special Issue. 506-518.
- Hanirah, M. N. (2007). Persepsi Pelancong Terhadap Aspek Keselamatan (Kajian Kes: Daerah Johor Bahru). Laporan Projek Ijazah Sarjana Sains (Perancangan Pelancongan). Fakulti Alam Bina. Universiti Teknologi Malaysia.
- Lina, M. K. & Hairul, N. I. (2012). *Membudayakan Pelancongan Islam di Malaysia: Strategi dan Isu*. The 9th Regional Symposium of the Malay Archipelago. Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia. 11 & 12 December 2012.
- Md Hamzaimi, A. M. B., Nasrul, H. N. M., & Mohd Azman, M. (2015). Pengurusan Hotel Halal Mengikut Perspektif Islam dan Masyarakat. *Sains Humanika*. 5(3). 57-64.
- Mohammad Azizol, A. & Mohamad Saifudin, M. S. (2019). Tinjauan Tentang Pengetahuan, Penerimaan Dan Kekangan Pelancong Terhadap Perkhidmatan Hotel Patuh Syariah Di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Borneo*. 7, 1-15.

- Muhammad, A. A. & Muhammad Awais Qarni. M. Z. (2023). *Cabaran Guru Pendidikan Islam Dalam Menangani Ajaran Yang Menyeleweng Daripada Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Prosiding Seminar Pengukuhan Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah 2023. 11 Julai 2023. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Munirah, M. & Naimah, G. (2021). *Panduan Ringkas Hotel dan Penginapan Patuh Syariah*. Edisi Pertama. Politeknik Merlimau, Melaka.
- Noradilah, A. H., Mohd Rizal, M., & Nur Shuhada, K. (2022). *Aplikasi Pemasaran Digital Dalam Indutri Pelancongan Halal*. E-Proceeding SAIS 2022 Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2022. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Noor Fiteri, A. (2014). *Konsep Pelancongan Islam: Satu Pengamatan*. Seminar Kebangsaan Penyelidikan Dan Pendidikan Islam Politeknik 2014 (SKPI2014). Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN), Behrang, Perak.
- Norhidayah, P. & Sa'adan, M. (2019). Cabaran dan Elemen Kearifan Tempatan Dalam Pensijilan Halal Malaysia. *Jurnal Fiqh*. 16(1), 165-190.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Sinar Harian. (2023, 01 Jun). *Malaysia Destinasi Mesra Muslim Terbaik OIC*. Dalam <https://www.sinarharian.com.my/article/261373/berita/nasional/malaysia-destinasi-mesra-muslim-terbaik-oic>
- Siti Fatma, M. & Rosmawati, M. R. (2015). Ciri-Ciri Hotel Patuh Syariah Terhadap Masa Depan Pelancongan Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. Prosiding Kolokium Jejak Warisan Ilmu Islam (JEWARIS 2015). Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Suhaida, H. S., Mastura, J. & Suraiyati, R. (2017). *Inovasi Produk dalam Program Homestay: Kajian Kes di Homestay Kampung Desa Keda*. Social Sciences Postgraduate International Seminar 2017, 165–172.
- Suhailah, A. M., Norcikeyonn, S. & Mohd. Nor Azan, A. (2022). Pelaksanaan Homestay Patuh Syariah dalam Aspek Reka Bentuk dan Ruang Persekitaran Kemudahan Penginapan Mesra Muslim di Sabah. *Sains Insani*. 7(2), 64-73.
- Suhailah, A. M., Norcikeyonn, S., Ahmad Tarmizi, A. R., Mohd Nor Azan, A., & Mikdar, R. (2022). Homestay Berasaskan Patuh Syariah Dan Bukan Patuh Syariah: Satu Perbandingan. *International Journal of Social Science Research (IJSSR)*. 4(3). 253-267.
- Suhailah, A. M., Norcikeyonn, S., Mohd. Dahlan, A. M., Dzurizah, I., Jalihah, M. S., Mohd Nor Azan, A. & Mardyawati, M. A. (2022). Penelitian Pengaplikasian Ciri-Ciri Keselamatan Kemudahan Penginapan Homestay Patuh Syariah Di Destinasi Pilihan Pelancong Di Sabah Merujuk Perspektif Maqasid Syariah. *International Journal of Social Science Research (IJSSR)*. 4(3). 294-305.